



Universiti Kebangsaan Malaysia  
UKM

MENU

# Taman Tasik Cempaka Bangi Berwajah Baru

0  
SHARES



SNIN, 29 DISEMBER 2014 16:51



Oleh Haslina Ramlee (Pelajar Pelatih UPM)

Foto Abd Ra'ai Osman

BANGI, 21 Disember 2014 – Taman Tasik Cempaka tempat rekreasi pilihan penduduk Bandar Baru Bangi serta sekitarnya telah diberi wajah baru melalui satu program untuk mengindahkannya hari ini.

Program itu telah dianjurkan oleh Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ), Persatuan Penduduk Bandar Baru Bangi (BANGIKU) dan *Bangi Industrial Administrative Association* (BIAA) dengan kerjasama Kementerian Pendidikan.

Setiausaha Bahagian *National Blue Ocean Strategy* (NBOS) UKM Ahmad Nazri Sulaiman telah merasmikannya. NBOS adalah suatu badan sukarelawan.

Program itu bermula dengan aktiviti senamrobik oleh semua peserta disusuli pelbagai aktiviti termasuk pemeriksaan kesihatan percuma, gotong-royong dan pameran anjuran Pusat Transformasi Komuniti Universiti (LCTC).

Disamping itu suatu pertandingan memungut sampah paling banyak diantara pasukan telah diadakan sebagai satu usaha membersihkannya.

Peserta juga telah menanam pelbagai pokok hiasan serta mengindahkan lanskap hasil sumbangan UPM. Beberapa bangku taman yang dibuat dari simenfero sumbangan UTM Skudai Johor juga diadakan.

Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Jaringan Industri dan Masyarakat) Prof Dr Imran Ho Abdullah, Penolong Setiausaha MPKj Zahari Shukri dan Yang Dipertua BANGIKU Hj Ahmad Sufie turut hadir.





## Artikel Lain

[UKM Lancar Papan Tanda Pencegahan Covid-19 Bahasa Mendriq](#)

[Makmal ALAF-UKM tawar pelbagai perkhidmatan edu-pelancongan kepada masyarakat](#)

[3R STEM@JPK Integrasikan STEM bersama al-Quran dan Sunnah](#)

[Kepakaran Penyelidik UKM Rangkul Anugerah di NEA](#)

[UKM lancar Pelan Kelestarian 2030, wujudkan kampus hijau, lestari dan sejahtera](#)

[Pelaksanaan EKSA Wujudkan Persekitaran Kerja Yang Kondusif](#)

[Dana Wakaf Ilmu UKM Lancar Kempen 'Jom Imbas dan Wakaf RM1'](#)

[UKM Capai 110 Peratus Penjanaan Tahun 2022](#)

[UKM, Wilayah Riau Jalin Kerjasama Perkukuh Sektor Pendidikan Tinggi](#)

[Fakulti Perubatan Beri Pemeriksaan Kesihatan Buah Pinggang Percuma kepada Penduduk Sendayan](#)

[UKM Serah Telaga Tiub dan Sistem Tapisan Air kepada Kampung Labu Lanjut](#)

[UKM Bangunkan Sistem Ramalan Pelbagai Bencana](#)

[Pasukan Varsiti Malaysia Menang Pusingan Akhir Ocean Hackathon® untuk Aplikasi JellyGo](#)

[UKM MOOC Kini Miliki Fitur Gerbang Pembayaran](#)

[Barisan Kesatuan Mahasiswa Sesi 2022/2023 Terima Watikah](#)

[UKM Bantu Kerajaan Negeri Pulau Pinang Bangunkan Projek Bandar Tenaga Pintar Bertam](#)

[UKM dan IIM Meterai MoU dan MoA, Mantapkan Integriti Sektor Awam dan Swasta](#)

[Kerjasama Siti Khadijah, UKM Hasilkan Koleksi Pujangga Puri](#)

[Program Manifestasi Watan@FSSK Serlah Kecemerlangan Fakulti](#)

[Mahasiswa UKM-GSB Kumpul Dana, Buat CSR di Penjara Wanita Kajang](#)

Arkib Berita

[Penafian](#) [Dasar Keselamatan](#) [Dasar Privasi](#) [Penafian Terjemahan Bahasa Ketiga](#)



Pusat Komunikasi Korporat  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM, Bangi Selangor, MALAYSIA  
Tel: +603 8921 4908/ 5540/ 3370  
Fak: +603 8921 4097  
E-mel: [pkk@ukm.edu.my](mailto:pkk@ukm.edu.my)

Web ini boleh diakses menggunakan peranti pintar. Paparan terbaik menggunakan pelayar web versi terkini pada resolusi minimum 1024x768.

Untuk penjelasan lanjut boleh dibaca [di sini](#).

v6.7.2